



Elemen Empati dalam *Cerpen Gulai Sembilang Untuk Abah* Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif Tingkatan Empat

Ahmad, Nur Athirah¹, Hamzah, Nordiana^{2*} & Baharum, Hasrina²

¹ Sekolah Menengah Kebangsaan Infant Jesus Convent, Melaka, MALAYSIA

² Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, MALAYSIA

*Corresponding Author: diana.azmi@fbk.upsi.edu.my

Received 28 November 2023; Accepted 28 December 2023; Available online 28 December 2023

Abstrak: Penerapan empati ini dapat dilaksanakan dengan menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran melalui teks kesusasteraan Melayu. Oleh itu, objektif kajian adalah untuk mengenal pasti elemen empati yang terdapat dalam cerpen *Gulai Sembilang untuk Abah*. Cerpen ini digunakan sebagai medium pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) Kesusasteraan Melayu terhadap murid tingkatan empat. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif . Kaedah kajian yang digunakan ialah kajian kepustakaan dan analisis dokumen. Kajian ini juga menggunakan teori empati Hoffman sebagai rujukan dalam menganalisis cerpen. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa teks cerpen yang dipilih mempunyai elemen empati egosentrik, empati pada tahap mod matang iaitu pengambilalihan peranan, empati untuk perasaan orang lain dan empati terhadap kehidupan orang lain. Empati pada tahap mod matang terbahagi kepada dua iaitu dapat dilihat melalui medium bahasa dan juga pengambilalihan peranan. Bagi pengambilalihan peranan pula terbahagi kepada dua iaitu fokus terhadap diri dan fokus terhadap orang lain. Implikasi kajian menunjukkan bahawa elemen empati ini amat penting dalam kehidupan manusia. Hal ini kerana, empati dapat melahirkan manusia yang berperikemanusiaan, bertanggungjawab dan baik hati terutamanya dalam pengajaran dan pembelajaran.

Kata Kunci: Empati, kesusasteraan melayu komunikatif, cerpen

The application of empathy can be implemented through teaching and learning methods using Malay literary texts. Therefore, the objective of this study is to identify the elements of empathy found in the short story *Gulai Sembilang untuk Abah*. This short story is used as a medium for teaching and facilitation (PdPc) in the Malay Literature subject for Form Four students. This study employs a qualitative approach. The research methods used are library research and document analysis. The study also refers to Hoffman's theory of empathy in analyzing the short story. The findings indicate that the selected short story contains elements of egocentric empathy, mature mode empathy such as role-taking, empathy for others' feelings, and empathy for others' lives. Mature mode empathy is divided into two categories: as expressed through language, and through role-taking. Role-taking itself is further divided into two types: self-focused and other-focused. The implications of this study suggest that empathy is crucial in human life. This is because empathy nurtures individuals who are humane, responsible, and kind-hearted, especially in the context of teaching and learning.

Keywords: Empathy, communicative malay literature, short story

1. Pengenalan

Matlamat pendidikan negara adalah untuk meningkatkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepada bagi mewujudkan insan yang baik serta sempurna. Hal ini kerana, dapat mewujudkan keharmonian dan kemakmuran masyarakat serta negara. Pendidikan ialah satu proses perkembangan bagi seseorang individu. Perkembangan ini dapat dilaksanakan dengan melakukan beberapa dasar. Antara dasar yang dapat dilaksanakan bagi mengkaji keupayaan adalah

*Corresponding author: diana.azmi@fbk.upsi.edu.my
<https://www.arsvot.org/> All right reserved

dari segi deria, kecerdasan, perasaan dan kesedaran bermasyarakat.

Guru harus memainkan peranan penting dalam memupuk sifat empati dalam diri murid melalui naskhah sastera yang telah ditetapkan oleh kementerian Pendidikan. Penggunaan teknik dan kaedah yang bersesuaian harus dititikberatkan. Hal ini bagi menghasilkan pemahaman dan penghayatan dalam diri murid semasa proses pembelajaran. Guru juga digalakkan untuk melakukan pembelajaran yang melibatkan murid dalam sesuatu situasi. Oleh itu, murid dapat merasai sesuatu pembelajaran tersebut lalu dapat menghasilkan perasaan empati dalam diri mereka.

Bagi menjadi seorang guru yang berkualiter, penggunaan pendekatan yang bersesuaian dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) sangat penting. Seorang guru juga perlu merancang sebaik mungkin rancangan pengajaran harian (RPH) bagi memastikan pengajaran padahari tersebut berjalan dengan lancar mengikut objektif yang telah dirancang. Hal ini bagi memastikan murid-murid berminat dengan topik yang akan dipelajari. Perkara ini juga dapat memastikan murid terlibat dalam PdPc secara aktif.

Oleh itu, aspek nilai empati ini perlu diterapkan dalam diri murid (Sapitri, 2019). Hal ini kerana mata pelajaran Kesusastraan Melayu sangat bersesuaian untuk dijadikan medium bagi memupuk sifat empati dalam diri (Ramli & Wahid, 2018). Maka, naskhah – naskhah yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan mestilah mempunyai elemen – elemen empati agar guru dapat menerap dan memupuk nilai empati dalam diri para murid melalui karya – karya sastera di sekolah.

Kesimpulannya, pihak kementerian telah menetapkan untuk menjadikan mata pelajaran Kesusastraan Melayu sebagai satu komponen dalam mata pelajaran Bahasa Melayu iaitu dalam bidang komsas. Bagi memastikan nilai empati ini dapat diterapkan didalam diri, guru sangat memainkan peranan penting untuk memangkin sifat empati dalam diri murid. Hal ini dilakukan melalui kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan agar dapat menerapkan nilai empati dalam diri mereka para murid. Menurut Edin et al. (2022), elemen empati dapat diterapkan guru dalam perancangan pengajaran harian untuk mendidik murid agar mempunyai perasaan berperikemanusiaan terhadap gejala sosial yang berlaku di persekitaran mereka.

2 Empati dalam Teks Gulai Sembilang Untuk Abah

Empati ialah satu kemampuan untuk menempatkan diri dalam perasaan atau fikiran orang lain, tidak melibatkan diri secara nyata melalui perasaan atau tanggapan orang itu. Dalam perkembangannya, empati sudah ada sejak kanak-kanak yang ditunjukkan melalui reaksi muka, kemudian mengalami perkembangan seiring dengan pertambahan usia (Hoffman, 2008), elaborasi kognitif (Hoffman, 2001). Selain itu, empati juga bermaksud sebagai kemampuan untuk mendalami emosi individu lain merasai perkara yang dirasainya dan berkemampuan untuk memberi maklum balas tentang diri yang mempunyai perasaan atau emosi yang sama seperti individu berkenaan.

Terdapat beberapa kajian lepas yang didapati mempunyai persamaan dengan kajian yang akan dilakukan. Pengkaji-pengkaji sebelum ini telah membincang berkenaan dengan pelaksanaan pengajaran dan pemudahcaraan yang kesan untuk memastikan sesuatu pembelajaran tersebut menjadi lebih berkesan dan berjaya.

Shyheim Snead, Winter Brooks, Diego Alemán, Kristin Thompson, and Brittany Jones (2017) pula menganalisis tentang “*Teaching Empathy in the Classroom: Project Overview and Findings*” Berdasarkan dapatan kajian majoriti (92.9%) guru yang menjawab kaji selidik percaya bahawa empati ialah sesuatu yang semua orang mampu dan sesuatu yang dapat dipelajari. Walau bagaimanapun, guru berbeza apabila membincangkan sama ada empati harus diajar dengan jelas atau diperamalkan melalui tingkah laku guru. 53% daripada penyataan guru berkod pada empati, menyokong pemahaman empati, manakala 47% penyataan guru berkod pada empati ialah menyokong pengajaran empati. Soal selidik juga meminta guru untuk tidak hanya memikirkan persoalan empati, tetapi juga mengenai peranan guru untuk menanamkan nilai-nilai dalam diri secara umumnya. Dalam beberapa jawapan kajian, guru merujuk pentingnya menyediakan pelajar dengan kemahiran yang banyak termasuk empati, kemahiran sosial, kemahiran komunikasi, dan pelajaran hayat. Seorang guru menegaskan kepentingan “membuat kurikulum tersembunyi dapat dilihat” dan membawa bentuk pendidikan ini ke barisan hadapan. Apabila mencerminkan tujuan yang lebih luas untuk mengajar empati, guru menyatakan pengaruh empati terhadap sistem politik kita, interaksi dengan ahli masyarakat, perkembangan peribadi dan kejayaan, dan pemahaman yang lebih mendalam mengenai kandungan kursus.

Fry et al. (2018) dalam kajian “*Teaching empathic concern and altruism in the smartphone age*”. Tujuan kajian ini dilakukan untuk mengkaji tahap keimbangan empati dan amalan mengutamakan orang lain berbanding dengan diri sendiri dengan menggunakan telefon pintar. Kajian ini menggunakan kaedah metodologi aplikasi teknologi AME/I. Dapatan kajian ini mendapati bahawa penerapan sifat empati dalam diri murid dapat dilaksanakan dengan menggunakan telefon iaitu dengan cara menghantar pesanan setiap hari kepada melalui telefon bimbit berkaitan dengan empati. Berdasarkan dapatan yang diperoleh melalui kajian ini mendapati penggunaan teknologi AME/I dalam telefon pintar membantu bagi menerapkan nilai empati dalam diri. EMA/I dapat digunakan untuk membantu murid mula memikirkan, dan merancang bagaimana, membantu orang yang memerlukan pertolongan. Idea ini adalah untuk memberi peluang kepada murid untuk bertindak atas motivasi altruistik yang disebabkan secara empati. Oleh itu, secara rawak sepanjang hari, murid akan dihantar pesanan yang mendorong mereka untuk terlibat dalam pemikiran perspektif yang berorientasikan pengalaman yang individu bermasalah.

Lucía Herrera Torres, Rafael Enrique Buitrago Bonilla dan Aida Karina Avila Moreno dalam kajian “*Empathy in future teachers of the Pedagogical and Technological University of Colombia*” (2016). Hasil dapatan kajian mendapati

dengan mengambil kira dimensi kognitif dan afektif empati, kajian ini mendapati bahawa peserta memperoleh hasil yang lebih baik dalam dimensi pertama (Herrera et al., 2016). Hasilnya, keputusan ini mengesahkan perbezaan antara kedua-dua komponen yang dikesan dalam pelbagai kajian (Cox et al., 2012). Sebaliknya, hasilnya ialah positif seperti yang diserahkan oleh López-Pérez et al. (2008) golongan profesional yang bekerja di bidang pendidikan, perubatan, kejururawatan, dan psikologi mesti mempunyai tahap empati kognitif yang tinggi, hal ini kerana bagi membolehkan mereka memahami keperluan murid atau pesakit mereka. Walaupun tidak begitu tinggi tahap dalam dimensi afektif. Empati afektif menonjol sebagai salah satu pembolehubah peribadi guru yang lebih berkorelasi dengan hasil akademik serta kesan afektif murid (Roorda et al., 2011).

Franzese dalam kajian “*The Power of Empathy in the Classroom*” (2016) membincangkan kepentingan empati di dalam kelas atau bilik darjah (Franzese, 2016). Hasil dapatan kajian mendapati bahawa pengajaran dengan empati membantu guru melihat dan mengakui kesusahan dalam proses pembelajaran. Hal ini dapat membantu dan memberikan maklum balas yang bermakna kepada tekanan yang dihadapi oleh murid. Pemeriksaan peperiksaan akhir yang telah memberikan tekanan kepada murid. Apabila markah peratusan dikeluarkan, satu set tekanan lain muncul. Sering kali, murid cenderung melihat nilai mereka sebagai kata akhir kebolehan dan peluang mereka. Persamaan kajian ini dengan kajian yang akan dilakukan ialah fokus kajian iaitu penerapan empati di dalam kelas bagi meningkatkan pemahaman murid dan cara pengajaran yang berseuaian untuk menerapkan elemen empati di dalam kelas.

3 Metodologi

Analisis dokumen merupakan satu proses bagi mengumpul data kajian melalui penyelidikan, penyiasatan, pemeriksaan dan sebagainya. Perkara ini dapat dibuktikan melalui karya bersama dengan Azizi Yahaya yang bertajuk *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan* (2007) yang menyatakan analisis dokumen merupakan satu proses mengumpul data kajian melalui penyelidikan, penyiasatan, pencerakinan dan penganalisisan yang terperinci yang dibuat terhadap bahan bertulis yang berkaitan dengan perkara yang dikaji (Yahaya, 2007). Dokumen merupakan sumber data yang paling murah, mudah dan cepat untuk diperoleh. Dokumen yang akan digunakan dalam kajian ini ialah teks cerpen *Gulai Sembilang untuk Abah*. Cerpen ini akan dianalisis dengan menggunakan teori Hoffman. Justifikasi pemilihan cerpen ini kerana cerpen ini merupakan teks yang terdapat dalam sukanan pelajaran. Di samping itu, cerpen ini dari segi judulnya juga menggambarkan elemen empati dalam memilih makanan untuk abah.

4 Dapatan dan Perbincangan

Dalam teks cerpen *Gulai Sembilang untuk Abah* ini banyak memperlihat empati pengambilahan peranan. Hal ini dapat dilihat pada contoh di atas iaituwatak Avera. Empati egosentrik pula hanya terdapat satu sahaja contoh yang dapat dilihat dalam teks tersebut. Empati terhadap perasaan dan kehidupan orang lain juga dapat dilihat dalam teks tersebut. Hoffman (2008). Berikut merupakan petikan yang mempunyai elemen empati dalam teks cerpen *Gulai Sembilang untuk Abah*.

“Malam itu, aku kira malam keramat apabila Along dan Achik yang bertahun-tahun tidak bertegur sapa menampakkan tanda akan berdamai. Air dicengang tidak akan putus dan biduk berlalu kiambang pasti bertaut. Entah, aku tidak tahu punca persengketaan mereka. Kata Abah, halorang lelaki. Malam itu malam kenangan yang akan aku ingat sampai bila-bila”.

(Cerpen *Gulai Sembilang untuk Abah*, 2017, ms.92)

“Aku tidak menyalahkan abang yang lain kalau mereka kurang waktu untuk Abah kerana masing-masing punya kehidupan sendiri. Aku kira Abah juga mengerti. Begitulaj pusingan hidup, kata Abah”

(Cerpen *Gulai Sembilang untuk Abah*, 2017, ms.93)

Berdasarkan kedua-dua petikan di atas menunjukkan bahawa terdapat elemen empati dalam petikan tersebut. Elemen empati yang telah dikenal pasti ialah elemen empati mod matang. Empati mod matang terbahagi kepada dua iaitu fokus terhadap diri dan fokus terhadap orang lain. Fokus terhadap hal orang lain ialah membayangkan diri menghadapi masalah yang sama seperti individu tersebut manakala fokus terhadap hal lain membayangkan perkara yang akan dialami oleh individu yang terlibat dalam situasi tersebut atau yang dialami oleh kebanyakan orang Hoffman (2008). Petikan teks yang pertama menerangkan bahawa watak aku memahami perkara yang berlaku dalam permasalahan tersebut dan bertindak untuk tidak campur tangan terhadap permasalahan. Hal ini jelas menunjukkan lahirnya sifat empati dalam watak aku kerana matang dalam menghadapi masalah (Pramujiono, 2015). Petikan teks yang kedua pula menerangkan Avera yang memahamid dan tidak menyalahkan abang-abangnya kerana tidak menemani Abah kerana kesibukan dengan

kehidupan masing-masing. Perkara ini menunjukkan empati mod matang pengambil alihan peranan iaitu fokus terhadap diri. Perkara ini turut disokong oleh kajian Kate Solow dalam kajian “*Using Children’s Books to Build Empathy in Children*” (2018) beliau menyatakan bahawa nilai empati dapat diterapkan melalui buku cerita kerana murid dapat membezakan perasaan yang dialami oleh mereka (Solow ,2018). Perbezaan emosi atau perasaan ini berbeza setiap orang maka inividu tersebut perlu memahami dan membezakan perasaan tersebut.

“Selepas tiga bulan berlalu, keluarga kami jadi murung kerana dilanda musibah yang paling memedihkan. Ratu hati kami pergi mengadap Illahi. Aku terasa sepi sejak emak hilang daripada kami kerana emak tempat kami bermanja. Rumah itu seakan tidak bermaya. Aku tahu yang paling merasai kehilangan ialah Abah. Selama ini, emak tempat Abah mengandar kasih, melenyap sepi hatinya dan empat teman hidup Abah yang paling setia”.

(Cerpen Gulai Sembilang untuk Abah, 2017, ms.92)

“Esoknya, aku menemui jawapan keresahan itu. Ketika aku mengejutkan Abah untuk solat subuh bersama-sama, aku mendapati nafas Abah tidak beralun seperti biasa. Abah telah meninggalkan kami dengan kasih yang terlalu indah.Rupanya, itu pertemuan kami yang terakhir. Pagi itu, Along dan Angah pulang dengan kekesalan pada wajah mereka kerana gagal menunaikan permintaan daripada seorang Abah yang tercinta”.

(Cerpen Gulai Sembilang untuk Abah, 2017, ms.94-96)

Seterusnya, petikan-petikan di atas dipilih kerana terdapat elemen empati egosentrik. Empati egosentrik ialah empati yang mengambil emosi seorang itu menjadi emosi dirinya serta merasai hal yang dirasai oleh individu tersebut. Hoffman (2008).Melalui petikan teks pertama menunjukkan lahirnya empati egosentrik kerana watak aku memahami emosi serta perasaan Abah yang telah kehilangan isteri yang tercinta. Petikan kedua pula Avera mempunyai empati egosentrik kerana dia merasai perasaan abangnya yang tidak berkesempatan untuk bertemu dengan Abah buat kali terakhir dan tidakmemenuhi permintaan Abah. Kajian Hoffman (2008) pada ketika ini, seseorang individu itu seperti Avera, belum mampu membezakan emosi diri dan emosi orang lain. Mereka berkelakuan seolah-olah dirinya sendiri mengalami peristiwa tersebut. Hal ini turut disokong oleh Kate Solow dalam kajian “*Using Children’s Books to Build Empathy in Children*” (2018) mereka mula mengenal pasti emosi yang baik seperti sedih, gila dan bahagia. Mengenal pasti emosi diri dan juga orang lain amat penting (Solow ,2018). Hal ini bagaimanapun individu tersebut memahami dan tidak melakukan sesuatu yang akan mengganggu perasaan mereka.

“Aku cuba menemanai Abah, mengisi ruang-ruang sepi yang ditinggalkan oleh emak itu”.

(Cerpen Gulai Sembilang untuk Abah, 2017, ms.93)

“Hujung minggu itu, Along menelefon aku. Katanya, Abah memintanya mencari ikan sembilang untuk dimasak gulai dan meminta semua anaknya pulang. Kata Abah di kampung sekarang agak susah untuk mencari ikan sembilang. Abah rindu akan anak cucunya. Abah rindu untuk makan bersama-sama seperti dahulu”. “Kami sama-sama memasak gulai sembilang untuk Abah. Mungkin tidak sesedap arwah emak tetapi aku harap Abah gembira dan kempunan Abah tertanggal

(Cerpen Gulai Sembilang untuk Abah, 2017, ms.94)

Hasil daripada analisis kedua-dua petikan teks di atas menunjukkan bahawa terdapat elemen empati terhadap perasaan orang lain. Empati terhadap perasaan orang lain ialah satu empati yang lebih tinggi daripada empati egosentrik. Pada tahap ini individu tersebut akan lebih memahami dan dapat membezakan situasi serta emosi seseorang. Padataph emosi ini juga individu tersebut akan merasai emosi tersebut dan pada masa yang sama individu tersebut akan cuba

berbicara, berbincang serta melakukan sesuatu yang dapat mengurangkan rasa sedih tersebut. Hoffman (2008). Melalui petikan teks yang pertama tersebut menjelaskan bahawa Avera cuba menemanai Abah dan mengisi ruang-ruang sepi dalam diri Abah agar kesedihan yang ditanggung dapat dikurangkan. Petikan teks yang kedua pula Avera dan abang-abangnya memahami dan merasai keinginan Abah. Avera dan abangnya berusaha untuk mencari ikan sembilang dan masakkan Abah gulai sembilang bagi menghilang rasa kempunan Abah. Hal ini menunjukkan Avera berusaha untuk memujuk dan merasai perasaan Abah. Hal ini turut disokong oleh Kate Solow dalam kajian “*Using Children’s Books to Build Empathy in Children*” (2018) yang menyatakan pada permulaan, kanak-kanak hanya mengenal pasti perasaan sedih, gila dan bahagia. Setelah itu, mereka mula memahami perasaan yang lain seperti malu, kecewa, keliru dan disayangi.

“Aku melihat Abah sarat dengan kasih sayangnya kepada anak-anak malam itu, walaupun sesekali dia memandang di kejauhan, mungkin kesal kerana perhimpunkan kami malam itu ada kekurangannya. Along dan Angah yang diharapkan dapat bersama-sama gagal pulang untuk memenuhi hati seorang tua itu”.

(Cerpen Gulai Sembilang untuk Abah, 2017, ms. 94)

Petikan diatas menunjukkan terdapat elemen empati terhadap kehidupan orang lain. Empati terhadap kehidupan orang lain ialah satu empati yang lahir dengan melihat perasaan atau emosi seseorang tetapi menganalisis situasi yang menyebabkan lahirnya perasaan atau emosi tersebut. Berdasarkan petikan teks tersebut menunjukkan Avera merasai dan mengetahui penyebab kepada kesedihan yang dihadapi oleh Abah. Abah yang mengimpikan kesemuanya anak-anaknya pulang musnah apabila Along dan Angah tidak dapat pulang berhimpun bersama. Hal ini menunjukkan berlakunya empati terhadap kehidupan orang lain Hoffman (2008).

Secara kesimpulannya penelitian elemen empati yang terdapat petikan teks berpandukan dengan teori Hoffman (2008) dan menggunakan teks tersebut sebagai satu bahan untuk menerapkan elemen empati dalam diri murid melalui pengajaran dan pembelajaran. Perkara ini dapat dirujuk kepada Jadual 1.

Jadual 1. Analisis empati dalam teks cerpen Gulai Sembilang untuk Abah

Bil	Muka Surat	Teks Cerpen	Elemen Empati	Tema Empati
1.	92	“Malam itu, aku kira malam keramat apabila Along dan Achik yang bertahun-tahun tidak ertegur sapamenampakkan tandan akan berdamai. Air dicengang tidak akan putus dan biduk berlalukiambang pastibertaut. Entah, akutidak tahu puncapersengketaan mereka. Kata Abah, hal orang lelaki. Malam itu malam kenangan yang akan aku ingat sampai bila-bila”.	Empati Mod Matang Pengambilan peranan	Empati mod matang terbahagi kepada dua iaitu fokus terhadap diridan fokus terhadap orang lain.
2.	92	“Selepas tiga bulan berlalu, keluargakami jadi murung kerana dilanda musibah yang paling memedihkan. Ratu hati kami pergi mengadap Illahi. Aku terasa sepi sejak emak hilang daripada kami kerana emak tempat kami bermanja. Rumah itu seakan tidak bermaya. Aku tahu yang paling merasai kehilangan ialah Abah. Selama ini, emak tempat Abah mengandar kasih, melenyap sepi hatinya dan empat teman hidup Abah yang paling setia”.	Empati Egosentrik	Empati egosentrik adalah empati yang mengambil emosi seorang itu menjadi emosi dirinya serta merasai apa yang dirasai oleh individu tersebut. Melalui petikan teks tersebut menunjukkan lahirnya empati egosentrik kerana watak aku memahami dan mengambil emosi serta perasaan Abah yang telah kehilangan isteri yang tercinta.
3.	93	“Aku cuba menemanai Abah, mengisi ruang-ruang sepi yang ditinggalkan oleh emak itu”.	Empati terhadap perasaan orang lain	Empati terhadap perasaan orang lain adalah satu empati yang lebih tinggi daripada empati egosentrik. Hal ini kerana pada tahap ini individu tersebut akan lebih memahami

				dan dapat membezakan situasi serta emosi seseorang. Pada tahap emosi ini juga individu tersebut akan merasai emosi tersebut dan pada masa yang sama individu tersebut akan cuba berbicara, berbincang serta melakukan sesuatu yang dapat mengurangkan rasa sedih tersebut.
4.	93	<p><i>"Aku tidak menyalahkan abang yang lain kalau mereka kurang waktu untuk Abah kerana masing-masing punya kehidupan sendiri. Aku kira Abah juga mengerti. Begitulah pusingan hidup,kata Abah".</i></p>	<p>Empati Mod Matang Pengambilalihan peranan</p>	<p>Melalui petikan tersebut menjelaskan bahawa Avera cuba menemani Abah dan mengisi ruang-ruang sepi dalam diri Abah agar kesedihan yang ditanggung dapat dikurangkan.</p>
5.	94	<p><i>"Hujung minggu itu, Along menelefon aku. Katanya, Abah memintanya mencari ikan sembilang untuk dimasak gulai dan meminta semua anaknya pulang.Kata Abah di kampung sekarang agak susah untuk mencari ikan sembilang. Abah rindu akan anak cucunya. Abah rindu untuk makan bersama-sama seperti dahulu".</i></p> <p><i>"Kami sama-sama memasak gulai sembilang untuk Abah. Mungkin tidak sesedap arwah emak tetapi aku harap Abah gembira dan kempunan Abah hilang".</i></p>	<p>Empati terhadap perasaan orang lain</p>	<p>Fokus terhadap hal adalah membayangkan diri menghadapi masalah yang sama seperti individu tersebut manakala fokus terhadap hal lain membayangkan apa yang akan dialami oleh individu yang terlibat dalam situasi tersebut atau yang dialami oleh kebanyakan orang.</p> <p>Berdasarkan petikan tersebut menunjukkan elemen empati pada tahap mod matang. Petikan tersebut menerangkan tentang Avera yang memahami dan tidak menyalahkan abang-abangnya kerana tidak menemani Abah kerana kesibukan dengan kehidupan masing-masing.</p> <p>Penyataan ini menunjukkan empati mod matang pengambilalihan peranan iaitu fokus terhadap diri.</p> <p>Melalui petikan tersebut menunjukkan terdapat elemen empati terhadap perasaan orang lain. Avera dan abang-abangnya memahami dan merasai keinginan Abah. Avera dan abangnya berusaha untuk mencari ikan sembilang dan masakkan abah gulai sembilang bagi menghilang rasa kempunan Abah. Hal ini menunjukkan Avera berusaha untuk memujuk dan merasai perasaan Abah.</p>

6.	94	<i>"Aku melihat Abah sarat dengan kasih sayangnya kepada anak-anak malam itu, walaupun sesekali dia memandang di kejauhan,mungkinkesal kerana perhimpunan kami malam itu ada kekurangannya. Along dan Angah yang diharapkan dapat bersama-sama gagal pulang untuk memenuhi hati seorang tua itu".</i>	Empati terhadap kehidupan orang lain.	Empati terhadap kehidupan orang lain adalah satu empati yang lahir dengan melihat perasaan atau emosi seseorang tetapi menganalisis situasi yang menyebabkan lahirnya perasaan atau emosi tersebut.
7.	94-96	<i>"Esoknya, aku menemui jawapan keresahan itu. Ketika aku mengejutkan Abah untuk solat subuh bersama-sama, aku mendapat nafas Abah tidak beralun seperti biasa. Abah telah meninggalkan kami dengan kasih yang terlalu indah. Rupanya, itu pertemuan kami yang terakhir. Pagi itu, Along dan Angah pulang dengan kekesalan pada wajah mereka kerana gagal menunaikan permintaan daripada seorang Abah yang tercinta".</i>	Empati Egosentrik	Berdasarkan petikan tersebut menunjukkan Avera merasai dan mengetahui penyebab kepada kesedihan yang dihadapi oleh Abah. Abah yang mengimpikan kesemua anak-anaknya pulang musnah apabila Along dan Angah tidak dapat pulang berhimpun bersama.

5 Kesimpulan

Secara kesimpulannya elemen empati dapat diterapkan dalam teks sebagai satu medium penerapan elemen empati dalam diri murid melalui pengajaran dan pembelajaran. Perkara ini dapat dirujuk kepada jadual dibawah. Kesimpulannya, kajian ini mendapati bahawa penerapan nilai empati dalam diri murid boleh dilaksanakan dengan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran serta boleh dilakukan dengan menggunakan teks-teks sastera yang mempunyai elemen empati. Kajian ini juga membuktikan bahawa karya-karya kesusastraan Melayu boleh dijadikan sebagai satu medium atau langkah untuk menerapkan nilai empati dalam diri murid. Oleh itu, seorang guru haruslah melakukan atau melaksanakan rancangan pengajaran harian yang terbaik dan berkesan bagi memastikan elemen empati tersebut dapat diterapkan. Seorang guru juga perlu memainkan peranan yang penting sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan dengan melakukan aktiviti-aktiviti serta persoalan-persoalan yang dapat mencungkil perasaan murid. Hal ini kerana melalui perasaan dapat melahirkan sifat empati dalam diri mereka. Oleh sebab itu, kajian ini dilaksanakan bagi menganalisis empati dalam teks agar dapat diterapkan semasa pengajaran dan pembelajaran.

Pengakuan

Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan penulis dan organisasi yang harta inteleknya digunakan untuk kajian ini.

Konflik Kepentingan

Penulis mengisyiharkan tiada konflik kepentingan.

Rujukan

- Cox, C. L., Uddin, L. Q., Di Martino, A., Castellanos, F. X., Milham, M. P., & Kelly, C. (2012). The balance between feeling and knowing: affective and cognitive empathy are reflected in the brain's intrinsic functional dynamics. *Social Cognitive and Affective Neuroscience*, 7(6), 727-737. <https://doi.org/10.1093/scan/nsr051>
- Decety, J., Bartal, I. B. A., Uzefovsky, F., & Knafo-Noam, A. (2016). Empathy as a driver of prosocial behaviour: highly conserved neurobehavioural mechanisms across species. *Philosophical Transactions of the Royal Society B: Biological Sciences*, 371(1686), 20150077.

Edin, A., Awang, M. M., Ahmad, A. R., & Pillai, S. (2022, July 2). Pengetahuan Pedagogi Guru dan amalan empati Sejarah dalam kalangan pelajar sekolah menengah. *Jurnal Wacana Sarjana*, 5(4), 1-12. Retrieved from <https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/433>

Fry, B. N., & Runyan, J. D. (2018). Teaching empathic concern and altruism in the smartphone age. *Journal of Moral Education*, 47(1), 1-16. <https://doi.org/10.1080/03057240.2017.1374932>

Franzese, P. A. (2016). The power of empathy in the classroom. *Seton Hall L. Rev.*, 47, 693.

Hamzah, N., Baharum, H., Wahid, A., & Zakaria, N. A. (2018). Kajian Refleksi Pelajar Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran Empati Dalam Kesusastraan Melayu. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 1(4), 73-84.

Hoffman, M. L. (2008). Empathy and prosocial behavior. *Handbook of emotions*, London: Guilford Press.

Hoffman, M. L. (2001). Toward a comprehensive empathy-based theory of prosocial moral development.

Herrera Torres, L., Buitrago Bonilla, R. E., & Avila Moreno, A. K. (2016). Empathy in future teachers of the Pedagogical and Technological University of Colombia. *Journal of New Approaches in Educational Research*, 5(1), 30-37. <https://doi.org/10.7821/naer.2016.1.136>

López-Pérez, B., Fernández-Pinto, I., & Abad, F. J. (2008). TECA. Test de Empatía Cognitiva y Afetiva. Madrid: TEA Ediciones.

Pramujiono, A. (2015). Pembelajaran Sastra Multikultural: Menumbuhkan Empati dan Menemukan Jatidiri Bangsa Melalui Pemahaman Keanekaragaman Budaya. *SOSIOHUMANIKA*, 8(2), 185-194.

Ramli, F. N. A., & Wahid, A. (2018). Pendidikan Sastera Melayu memperkuat pembinaan karakter pelajar: Malay Literature Education in Strengthening the Construction of Student Characteristics. *Jurnal Peradaban Melayu*, 13, 1-14.

Roorda, D. L., Koomen, M. Y., Spilt, J. L., & Oort, F. J. (2011). The Influence of Affective Teacher-Student Relationships on Students' School Engagement and Achievement: A Meta-Analytic Approach. *Review of Educational Research*, 81(4), 493-529.

Solow, K. (2018). *Using children's books to build empathy in children* (Master's thesis, Lesley University). Lesley University DigitalCommons. https://digitalcommons.lesley.edu/education_theses/158

Snead, S. HNRS 398: Challenge Course Teaching Empathy in the Classroom: Project Overview and Findings Shyheim Snead, Winter Brooks, Diego Alemán, Kristin Thompson, and Brittany Jones.

Sapitri, E. (2019). *Rasa simpati dan empati pada puisi bertema korban bencana alam karya siswa SMA: Kajian psikologi sastra* (Undergraduate thesis, Universitas Pendidikan Indonesia). Universitas Pendidikan Indonesia Repository.

Yahaya, A. (2007). *Menguasai penyelidikan dalam pendidikan: Teori, analisis & interpretasi data*. Batu Caves, Malaysia: PTS Professional.